

04/03/2004

(Kesetiaan Kelab Penyokong Selangor, ... )

KESETIAAN Kelab Penyokong Selangor, Kedah dan Kelantan kepada pasukan mereka mencetus ilham kepada beberapa peminat setia Pulau Pinang betapa pentingnya menubuh sebuah kelab sedemikian rupa di negeri ini.

Pentingnya kelab seperti ini dilahirkan sebagai penyuntik semangat kepada pemain-pemain yang membasah keringat di tengah gelanggang.

Pulau Pinang sudah cuba menghidupkan kelab penyokong lima tahun yang lalu tetapi ianya tidak berfungsi.

Atas usaha Pengurus Pasukan Pulau Pinang, Datuk Zain Omar dan Penolong Jurulatih, Zabidi Hassan, sekumpulan penyokong-penyokong setia negeri ini telah berjaya membentuk sebuah jawatankuasa penaja kelab penyokong.

Menurut Pemangku Setiausaha kelab, Tamsir Rizal Ali Akhbar, jawatankuasa ini dibentuk tahun lalu bagi menggubal perlembagaan dan peraturan kelab.

"Kini kami mengumpul lebih 100 ahli dan permohonan masih banyak kami terima," katanya.

Tegasnya, kami yakin dapat mengumpul lebih 500 ahli sebelum mesyuarat agung pertama tidak lama lagi.

"Kami berbangga kerana Datuk Zain dan Zabidi dan exco-exco Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) sering memberi sokongan dan nasihat kepada kami ke arah memantapkan kelab," katanya.

Dalam pada itu kelab ini juga sering menganjur beberapa kegiatan seperti futsal, membawa rombongan penyokong apabila Pulau Pinang bermain di tempat lawan, kuiz dan sebagainya.

Tujuannya bagi merapatkan hubungan sesama ahli kelab.

KELAB PENYOKONG BOLA SEPAK 'HARIA' PULAU PINANG

DITUBUHKAN: 2003

KEAHLIAN: 120 orang

SENARAI JAWATANKUASA

Penasihat Kelab: Datuk Mohd Zain Omar dan Zabidi Hassan

Pemangku Presiden: Shafie Desa

Pemangku Setiausaha: Tamsir Rizal Ali Akbar

Ahli Jawatankuasa: Azmi Mahamood; Shahrizal Sudin; Mohd Rejab Abu Bakar;

Mohd Mahathir Md Isa; Saiful Azhar Hassan; Mohd Rizal Ishak dan Mohd

Nazril Musa

ALAMAT

M-G-1- Pangsapuri Tanjung Tokong

Jalan Tanjung Tokong

10470 Pulau Pinang

Tel: 0164888130/04-8909217

KEGIATAN

- Membawa penyokong membanjiri Stadium Batu Kawan
- Ahli-ahli dikenakan tiket istimewa kalau dibandingkan dengan bukan ahli.
- Menganjurkan pertandingan futsal
- Menyediakan cabutan nombor bertuah
- Menyediakan laman web sendiri - <http://www.haria-penang.com>
- Menganjurkan kuiz